

# PLAN Malaysia

Menelusuri 100 tahun  
perancangan  
bandar di Malaysia




UTUSAN MALAYSIA 09/11/2021



MIS 23

Besar harapan saya agar aktiviti perancangan dan pembangunan bandar dan desa terus mendukung dasar-dasar pembangunan ekonomi negara untuk Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan."

**DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
PERDANA MENTERI

(Semasa Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-39 pada 21 Oktober 2021)





**Perkhidmatan perancangan bandar dan desa sepanjang 100 tahun ini telah menyumbang kepada kemakmuran pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat."**

**TPr Gs DR. SHAMSAINI SHAMSUDDIN**  
 KETUA PENGARAH  
 PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

**TANGGAL 18 Januari 1921** adalah detik permulaan berkembangnya perkhidmatan perancangan bandar dan desa di Tanah Melayu.

Melalui penubuhan Jabatan Perancang Bandar pertama dikenali sebagai *The Department of Town Planning - F.M.S* dan pelantikan Charles Compton Reade selaku Penasihat Perancang Bandar kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (sebelum dilantik sebagai Perancang Bandar Kerajaan pertama setahun kemudian), perkhidmatan perancangan bandar yang dahulunya dilaksanakan



oleh pentadbir dan para juruukur akhirnya diserahkan kepada mereka yang arif dalam bidangnya. Mengikut rekod, aktiviti perancangan bandar terawal bermula dengan tertubuhnya Jawatankuasa

Penilai (*Committee of Assessors*) pada 1801 di Pulau Pinang.

Antara kuasa yang diperuntukkan kepada jawatankuasa ini adalah 'untuk menyusun atur bandar di dalam keadaan yang paling sesuai untuk keperluan penduduknya.'

Adalah dipercayai bahawa rangkaian jalan-jalan bagi kawasan perdagangan di Bandar George Town yang disempadankan oleh Jalan Light, Jalan Beach, Jalan Chulia dan Jalan Pitt masih kekal tanpa sebarang perubahan besar daripada apa yang dirancangkan oleh jawatankuasa berkenaan.

Sepanjang tempoh 100 tahun perkhidmatan perancangan bandar dan desa di negara ini (1921-2021), telah banyak sejarah dan kejayaan yang dilakar seiring dengan pembangunan negara.

Antaranya, pembangunan bandar-bandar baharu yang lebih terancang, pembentukan undang-undang perancangan bandar, evolusi rancangan pemajuan, pengembangan Jabatan Perancang Bandar itu sendiri, pengenalan kursus perancangan bandar dan wilayah di institut pengajian tinggi awam (IPTA), penubuhan badan

profesional dan ikhtisas bagi mewakili profesion perancang bandar, serta kejayaan-kejayaan yang dilakar oleh Perancang Bandar tempatan sama ada di persada negara atau antarabangsa.

Kisah 100 tahun perancangan bandar ini telah digarap naratifnya agar berkisar kepada empat era utama yang merakamkan segala pahit manis yang ditempuh oleh pelopor-pelopor perkhidmatan perancangan bandar dan desa di negara ini untuk meletakkan profesion tersebut di persada yang sewajarnya.